

Usul sokong pindaan diterima sebulat suara

Pemuda: Tax ada tolak

ansur

PETALING JAYA, Jumaat — Perhimpunan Agung Khas Pergerakan Pemuda Umno Malaysia hari ini sebulat suara meluluskan usul menyokong penuh pucuk pimpinan dalam isu pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen, Ogos lalu.

Keputusan itu diambil setelah dibahaskan dengan hebatnya selama tiga jam dalam majlis yang dihadiri oleh kira-kira 2,000 perwakilan dan pemerhati dari 114 bahagian Umno, di Dewan Sivik Majlis Perbandaran, di sini, pagi ini.

Tiga wakil Majlis Tertinggi

Umno yang hadir ialah Encik Ghafar Baba, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Datuk Rais Yatim.

Perhimpunan Agung Khas itu diadakan sebagai memberi sokongan terbuka Pergerakan itu kepada pucuk pimpinan yang menghadapi krisis perlembagaan berikutan dengan pindaan perlembagaan di bawah fasal 66 (5) dan 150. Majlis Raja-Raja Melayu enggan merestui pindaan itu atas alasan mengambil kuasa mereka.

Menjamin

Pindaan di bawah fasal 66 (5) menyebut bahawa rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen hendaklah diandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa 15 hari dan jika tidak berbuat demikian rang undang-undang itu tetap dikuatkuasakan.

Pindaan di bawah fasal 150 pula memberi kuasa kepada

Perdana Menteri untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat berbanding dengan perlembagaan yang memberi kuasa mutlak kepada Seri Paduka Baginda berbuat demikian.

Ketua Pergerakan itu, Encik Anwar Ibrahim ketika membentangkan usul sokongan itu menegaskan, bahawa pindaan perlembagaan 1993 sesungguhnya selaras dengan semangat perlembagaan itu sendiri.

Katanya, pindaan perlembagaan itu bertujuan mengukuhkan institusi Raja Berperlembagaan sebagai simbol warisan Melayu di negara ini.

Encik Anwar yang juga Menteri Kebudayaan, Beliau dan Sukan menegaskan bahawa Umno tidak akan bertolak ansur dalam menjaga maruah bangsa Melayu dalam menjinjit dan mempertahankan institusi Raja Berperlembagaan.

Di samping itu, katanya, Umno tidak pernah bertolak ansur dalam mengawasi supaya kuasa politik, ekonomi dan kebudayaan dikuasai oleh Melayu.

Menurutnya, Umno sebagai sebuah parti yang mempertahankan sistem beraja di negara ini dalam tahun 1946 akan terus mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu.

Terus kekal

Katanya, dalam pindaan perlembagaan ini, Umno tidak sedikit pun menyentuh hak Raja dalam menolak pertantikan Perdana Menteri; kuasa menagguhkan pembubarisan Dewan Rakyat serta menyentuh hak keistimewaan Melayu dan Bahasa Kebangsaan.

Encik Anwar menegaskan, pindaan itu bagi memastikan hasrat pejuang-pejuang kemerdekaan kita untuk memastikan kuasa yang diperolehi dari rakyat itu untuk rakyat di samping mempertahankan institusi Raja di negara ini.

"Ini intaiari pemerintahan kita, tidak siapa da-



PERWAKILAN mengangkat tangan sambil berdiri menyokong usul Pergerakan Pemuda Umno Malaysia mengenai pindaan perlembagaan.— Gambar Berita Harian.



ENCIK Anwar Ibrahim sedang memberikan hujah-hujahnya ketika membentangkan usul Pergerakan Pemuda Umno Malaysia di Perhimpunan Agung Khas pergerakan itu di Petaling Jaya semalam sambil diamati oleh Exco pergerakan itu.

pat mengugut cara pemerintahan ini.

"Setapa menolak institusi beraja bermakna mereka menolak perlembagaan yang kita perjuangkan," ujarnya.

Bellau membidas setengah golongan yang memutar-belitkan isu pindaan perlembagaan itu seolah-olah seluruh kuasa darurat itu diberi sepenuhnya kepada Perdana Menteri.

Katanya, pindaan itu dibuat hanya untuk menyelaraskan fasal 40 dengan fasal-fasal 66 (5) dan fasal 150 supaya ia tidak bercanggah antara satu fasal dengan fasal yang lain.

Presiden parti, katanya, mendapat mandat dari Barisan Nasional yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya.

"Kalau kita tidak percaya terhadap Perdana Menteri yang dipilih oleh rakyat tidak ada gunanya pilihanraya," tegas beliau.

Encik Anwar menaruh kepercayaan bahawa pucuk pimpinan akan dapat menyelesaikan soal pelaksanaan keputusan Parlimen dengan bijak.

Bellau merayu setiap anggota pemuda yang menjadi benteng kepada ketahanan parti supaya memberi sokongan yang tidak berbelah bagi dalam mempertahankan keutuhan dan perpaduan parti.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia